

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Monday, 5 June, 2017 3:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: 3 PELAJAR UUM CAS MENERIMA TAWARAN TFI-LEaRN NUS MENYERTAI PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR KE SINGAPURA



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

05 JUN 2017 / 10 RAMADHAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

3 PELAJAR UUM CAS MENERIMA TAWARAN TFI-LEaRN NUS MENYERTAI PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR KE SINGAPURA

3 orang pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) dan juga Pusat Pengajian Industri Kreatif (SCIMPA) telah menerima tawaran untuk menyertai Program Pertukaran Pelajar (mobiliti) ke Singapura pada Ogos ini. Satu perjumpaan bersama Dekan PPA CAS dan Penyalaras Praktikum di PPA telah diadakan pada 25 Mei 2017 di Pejabat PPA CAS.



3 orang pelajar ini telah menerima tawaran daripada National University of Singapore untuk melakukan Pertukaran Pelajar selama 6 bulan di bawah program Temasek Foundation International Leadership Enrichment and Regional Networking (TFI - LEaRN) yang telah ditaja oleh Temasek International Foundation. Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan pelajar cemerlang di Asia dengan tujuan untuk membangunkan hubungan serantau dan membina rangkaian dari peserta yang mempunyai perbezaan budaya di Asia. Program ini menyediakan pengalaman pembelajaran yang holistik kepada para pelajar yang menyertainya.



Permohonan dari pelajar Universiti Utara Malaysia telah dihantar untuk menyertai program ini. Permohonan terdahulu yang berjaya adalah Loh Yee Ling (Pelajar Ijazah Sarjana Muda Statistik Industri), Naja Neriena Binti Ayob (Pelajar Ijazah Sarjana Muda Industri Kreatif) dan juga Fathin Nabilah binti Mohd Razif (Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Multimedia).

Menurut Dekan PPA CAS, program ini memberikan satu peluang yang sangat besar kepada para pelajar yang terlibat kerana ianya sangat terhad dan persaingan untuk menyertainya sangat sengit. Program ini turut memberi biasiswa kepada para pelajar yang menyertainya. Dekan juga berharap agar para pelajar ini dapat menimba pengalaman baharu mengikuti pembelajaran di universiti terkemuka dunia dan cikal serta tabah menerima cabaran dalam menempuhi suasana pembelajaran baharu.

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.